

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**RMK 253 – Undang-Undang Pentadbiran I**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja: **SATU** dari **BAHAGIAN A** dan **TIGA** dari **BAHAGIAN B**.

- 2 -

**BAHAGIAN A:** (Jawab mana-mana **SATU** soalan sahaja dari bahagian ini).

1. Apa yang anda faham mengenai "dotrin pembahagian kuasa". Bagaimana dotrin ini diimplementkan di Malaysia?  
(25 markah)
2. Dalam sistem undang-undang jenayah, salah satu yang penting ialah "menghukum penjenayah". Apakah yang dimaksudkan "hukuman hendaklah mengikut undang-undang".

Bincangkan juga mengenai salah satu jenis hukuman yang terdapat di Malaysia, iaitu "hukuman penjara".

(25 markah)

**BAHAGIAN B:** (Jawab mana-mana **TIGA** soalan dari bahagian ini).

3. (a) Bincangkan dengan ringkas elemen-elemen kontrak di bawah Akta Kontrak 1950.  
(10 markah)
- (b) Puan Kaya, seorang jutawan, ingin menjual salah satu dari rumah-rumah kepunyaannya. Dia mengiklankan rumah tersebut di dalam akhbar *The New Straits Times*;

"Jualan Rumah Dua Tingkat Banglo beralamat No. 33 Cangkat Minden, Gelugor, Pulau Pinang, Hak Milik Freehold, RM1.3 Juta Ringgit".

Salim seorang rakan karib Puan Kaya telah menaliponnya pada 1 Ogos dan berkata, "Saya ingin membeli rumah Puan dengan harga jualan yang diiklankan". Sebelum sempat Salim menamatkan ayat tersebut, hubungan talian talipon terputus. Oleh sebab Salim perlu menghadiri seminar di luar negeri, dia menaiki kapal terbang tanpa sempat menghubungi Puan Kaya sekali lagi.

- 3 -

Azman seorang pensyarah di Universiti Sains juga mengenali Puan Kaya dan selalu juga menziarahinya. Pada 2 Ogos, Azman telah pergi ke kediaman Puan Kaya dengan tujuan membeli rumah Puan Kaya yang diiklankan itu. Azman berkata kepada Puan Kaya, "..... sebagaimana Puan ketahui saya seorang pensyarah, pendapatan saya sederhana sahaja, walau bagaimanapun bapa saudara saya yang meninggal dunia minggu lepas telah mewasiatkan sebanyak RM1 Juta Ringgit kepada saya, dan saya ingin membeli rumah Puan itu". Puan Kaya, setelah memandang wajah Azman berkata, "Saya akan beritahu keputusan saya dalam masa seminggu". Pada 3 Ogos, Puan Kaya berlepas ke Ipoh untuk menziarahi sahabat karibnya yang sakit. Pada 5 Ogos, Puan Kaya mengirim surat kepada Azman menerima pembelian rumahnya oleh Azman dengan harga RM1 Juta Ringgit. Surat tersebut sampai kepada Azman pada 6 Ogos. Tetapi pada 4 Ogos, Azman telah pergi ke kediaman Puan Kaya semasa dia tiada di rumah dan meninggalkan pesan bahawa Azman tidak setuju membeli rumah tersebut.

Bincangkan kedudukan Salim, Azman dan Puan Kaya.

(15 markah)

4. (a) Bincangkan kelayakan untuk menjadi seorang pengarah dan bagaimana kelayakan itu boleh hilang, sepermulaan diperuntukan di bawah Akta Syarikat 1965.

(10 markah)

- (b) Syarikat Adali (SA) adalah sebuah syarikat yang mengeluarkan makanan dan minuman dari hasil tenuus. SA mempunyai empat orang pengarah iaitu Adam, Zahid, Farah dan Kaer.

Adam dan Zahid telah menu buhkan SA, mereka adalah ahli dan pengarah SA. Farah adalah warganegara Malaysia tetapi menetap di Washington kerana dia juga adalah pengarah Syarikat Microsoft di sana. Walau bagaimanapun Farah selalu balik ke Malaysia untuk menghadiri mesyuarat SA. Kaer pula dahulunya pengarah Syarikat Power yang telah digulungkan empat tahun yang lalu kerana syarikat tersebut tidak mampu membayar hutang yang terlalu banyak dan dia juga telah menjadi pengarah Syarikat Energy yang juga telah dibubarkan dua tahun yang lalu. Disebabkan Kaer, seorang yang berpengaruh dia telah diambil pula sebagai pengarah SA. Farah dan Kaer telah memasuki kontrak bagi pihak SA dengan Pasaraya Jimat (PJ) bagi membekalkan RM40 ribu ringgit minuman kotak Adali....

- 4 -

Baru-baru ini, ada khabar angin mengatakan minuman kotak Adali tidak selamat untuk diminum kerana ia mengandungi racun diacin dan ini menyebabkan kerugian yang banyak kepada SA. PJ tidak mahu membayar harga minuman kotak tersebut kepada SA dengan memberi alasan kontrak yang dimasuki oleh kedua-dua pihak adalah batal kerana Farah dan Kaer tidak layak menjadi pengarah.

Selesaikan permasalahan undang-undang yang wujud dalam kes ini.

(15 markah)

5. (a) Bincangkan elemen-elemen perkongsian di bawah seksyen 3(1) Akta Perkongsian 1961.

(10 markah)

- (b) Bincangkan hak-hak dan tanggungan pekongsi di bawah seksyen 26 Akta Perkongsian 1961.

(15 markah)

6. Bincangkan takrifan mudarat awam dan mudarat persendirian di dalam Undang-Undang Tort. Huraikan prinsip-prinsip bagi pemakaian mudarat.

(25 markah)

-ooo O ooo-